21. Sebarang hilang upaya separa kekal yang tidak dinyatakan di atas selain kehilangan deria rasa dan bau	peratusannya akan ditaksirkan oleh Syarikat berdasarkan rundingan dengan penasihat perubatan Syarikat. Syarikat berhak atas budi bicara mutlak, menetapkan peratusan hilang upaya yang pada pendapatnya, tidak bercanggah dengan peruntukan di atas tidak kira apa pekerjaan Orang Yang Diinsuranskan.

SILA LEKATKAN JADUAL DISINI

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS KEPADA SEKSYEN 1

1. "Kehilangan" anggota atau bahagian tubuh atau sebahagian daripadanya bermakna kehilangan akibat terputus secara fizikal atau hilang daya guna keseluruhan dan kekal.
2. Jumlah yang akan dibayar bagi Hilang Upaya Kekal adalah tidak melebihi jumlah yang diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 1 Jadual.
3. Jumlah wang yang akan dibayar bagi Hilang Upaya Kekal berkaitan dengan lebih daripada satu kecederaan kepada anggota atau bahagian tubuh atau sebahagian daripadanya tidak boleh melebihi jumlah yang boleh dibayar bagi kecederaan kepada seluruh anggota atau bahagian tubuh atau sebahagian daripadanya.
4. Pembayaran hanya akan dibuat di bawah Faedah A (Kematian Akibat Kemalangan) atau B (Hilang Upaya Kekal) dan bukan kedua-duanya.
5. Pembayaran sama ada Faedah A (Kematian Akibat Kemalangan) atau maksimum Faedah B (Hilang Upaya Kekal) akan, berkuatkuasa dari tarikh kemalangan yang mengakibatkan pembayaran sedemikian, melepaskan Syarikat daripada sebarang tuntutan selanjutnya di bawah Seksyen ini kecuali bagi perbelanjaan yang perlu ditanggung di bawah Faedah C (Biaya Perubatan) yang timbul daripada kemalangan yang sama. Semua kerugian lain yang kurang daripada 100% jika sudah dibayar akan mengurangkan perlindungan sebanyak jumlah tersebut dari tarikh kemalangan hingga tamat tempoh Polisi.
6. Pembayaran bagi tuntutan sah di bawah Faedah A (Kematian Akibat Kemalangan) akan dibuat kepada Pusaka Orang Yang Diinsuranskan.

SYARAT-SYARAT KHAS KEPADA SEKSYEN 1

1. Yang Diinsuranskan hendaklah memberi notis serta-merta secara bertulis kepada Syarikat mengenai sebarang penyakit atau kecacatan fizikal atau ketiadaan upaya Orang Yang Diinsuranskan yang disedari oleh Yang Diinsuranskan dan hendaklah membayar sebarang premium tambahan yang mungkin dikehendaki oleh Syarikat.
2. Notis secara bertulis mesti diberikan kepada Syarikat mengenai sebarang kecederaan badan yang boleh menimbulkan tuntutan di bawah Seksyen ini bersama dengan butir-butir penuh mengenai kejadian dan kecederaannya dengan serta-merta dalam kes kematian atau dalam tempoh dua puluh satu (21) hari selepas kejadian jika kecederaan tidak membawa maut. Segala laporan, sijil dan maklumat yang diperlukan oleh Syarikat hendaklah disediakan atas perbelanjaan Yang Diinsuranskan dan dalam bentuk yang ditetapkan oleh Syarikat. Orang Yang Diinsuranskan hendaklah dari masa ke masa menjalani pemeriksaan perubatan atas perbelanjaan Syarikat sebagaimana yang diperlukan berkaitan dengan sebarang tuntutan. Sekiranya berlaku kematian di mana terdapat sebarang keraguan munasabah mengenai punca kematian tersebut, seorang pengamal perubatan berkelayakan yang dilantik oleh Syarikat hendaklah dibenarkan membuat pemeriksaan bedah siasat ke atas jenazah Orang Yang Diinsuranskan atas perbelanjaan Syarikat.
3. Syarat Am 7 (Insurans Lain) tidak terpakai untuk Seksyen ini.
4. Seksyen ini tidak boleh diserahkan hak dan pembayaran sebarang Faedah di bawah Seksyen ini hanya akan dibuat kepada Orang Yang Diinsuranskan atau wakil peribadinya yang sah di sisi undang-undang bagi Faedah A (Kematian Akibat Kemalangan) dan B (Hilang Upaya Kekal) dan kepada Yang Diinsuranskan bagi Faedah C (Biaya Perubatan) dan penerimaannya hendaklah merupakan pelepasan kepada Syarikat.

PENGECUALIAN KEPADA SEKSYEN 1

1. Pembayaran tidak akan dibuat di bawah Seksyen ini bagi kecederaan badan akibat daripada:
 - a) Sebarang tindakan Orang Yang Diinsuranskan yang melanggar undang-undang atau sengaja mendedahkan diri kepada bahaya (melainkan percubaan untuk menyelamatkan nyawa), membunuh diri atau percubaan membunuh diri atau sengaja mencederakan diri sendiri atau tidak siaman.
 - b) Rawatan perubatan atau pembedahan melainkan rawatan yang diperlukan akibat kecederaan yang dilindungi di bawah Seksyen ini.
2. Syarikat TIDAK akan membayar RM50.00 pertama bagi setiap dan semua tuntutan di bawah Faedah C (Biaya Perubatan).

SEKSYEN 2- BIAYA PENGHANTARAN PULANG

Syarikat akan tertakluk kepada peraturan-peraturan Seksyen ini, menanggung kerugian Yang Diinsuranskan bagi biaya penghantaran pulang (ditafsirkan di bawah) sebanyak jumlah hingga had yang ditetapkan dalam Jadual, jika dalam Tempoh Insurans, Orang Yang Diinsuranskan mengalami kecederaan badan yang menyebabkan kematian atau hilang upaya keseluruhan dan kekal (ditafsirkan di bawah) akibat sebarang punca dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar. Pembayaran sebarang tuntutan sah di bawah Seksyen ini adalah di atas asas pembayaran semula kos sebenar dan munasabah yang ditanggung dalam menghantar pulang Orang Yang Diinsuranskan ke negara atau tempat asal.

TAFSIRAN KEPADA SEKSYEN 2

Perbelanjaan penghantaran pulang dianggap sebagai caj munasabah yang ditanggung untuk:

1. Pengangkutan Orang Yang Diinsuranskan ke negara asalnya selepas mengalami kecederaan badan atau penyakit yang mengakibatkan hilang upaya keseluruhan dan kekal.
2. Pengkebumian atau pembakaran jenazah Orang Yang Diinsuranskan di tempat di mana kematian berlaku dan/atau pengangkutan jenazah atau abunya ke negara asal Orang Yang Diinsuranskan.

Hilang Upaya Kekal bermaksud sebarang bentuk hilang upaya kekal yang menyebabkan Orang Yang Diinsuranskan hilang upaya secara keseluruhan dan kekal dari melaksanakan tugas dan fungsi sebarang bentuk pekerjaan secara berterusan dan tanpa gangguan untuk tempoh selama sekurang-kurangnya enam (6) bulan.

PENGECUALIAN KEPADA SEKSYEN 2

Pembayaran tidak akan dibuat di bawah Seksyen ini jika kematian atau hilang upaya keseluruhan dan kekal Orang Yang Diinsuranskan adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh tidak siaman, bunuh diri, mencederakan diri sendiri secara sengaja atau sebarang percubaan ke arahnya atau yang disebabkan oleh Yang Diinsuranskan secara sengaja.

SEKSYEN 3- BIAYA HOSPITAL DAN PEMBEDAHAN

Syarikat akan membayar kepada Yang Diinsuranskan biaya yuran dan caj hospital, perubatan atau pembedahan, penjagaan dan rumah penjagaan, yang perlu ditanggung sebagai pesakit yang dimasukkan dalam hospital termasuk kos segala ubat, dadah dan penggunaan peralatan diagnostik dan rawatan pesakit luar selanjutnya yang semata-mata berkaitan dengan kemasukan hospital yang perlu ditanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan yang dinamakan dalam Jadual dengan syarat perbelanjaan tersebut ditanggung di Malaysia.

Dengan syarat bahawa, dalam semua hal:

1. Perbelanjaan itu ditanggung untuk rawatan atau perkhidmatan yang diberikan dan dicadangkan oleh hospital yang berlesen dan berdaftar di Wad Kelas 3 biasa atau Wad Kelas 2 jika tiada kekosongan di Wad Kelas 3.
2. Perbelanjaan itu berpunca daripada penyakit atau kesakitan yang dihidapi atau kecederaan badan akibat kemalangan yang dialami dalam Tempoh Insurans bagi Orang Yang Diinsuranskan.
3. Serangan, gejala atau komplikasi yang berulang berpunca daripada sebab yang sama adalah dianggap sebagai satu penyakit, kesakitan atau kecederaan badan.
4. Tanggungan Syarikat bagi Tempoh Insurans tidak boleh melebihi Had Tanggungan yang dinyatakan dalam Jadual.

PENGECUALIAN KEPADA SEKSYEN 3

Syarikat tidak akan membayar untuk :-

1. Sebarang perbelanjaan yang ditanggung dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh permulaan Polisi ini.
2. Sebarang kehilangan upaya, rawatan atau perkhidmatan yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada penyakit-penyakit sedia wujud dihidapi atau kecederaan (dalam masa dua belas (12) bulan pertama perlindungan berterusan).
3. Sebarang bentuk alat perubatan, rawatan kosmetik atau kecantikan atau sebarang rawatan yang diterima sebagai langkah pencegahan termasuk pemvaksinasi atau inokulasi.
4. Perbelanjaan perubatan yang boleh dituntut semula di bawah mana-mana Skim Insurans negara atau di bawah Akta Pampasan Pekerja atau Akta atau Ordinan yang serupa.
5. Sebarang perbelanjaan yang ditanggung akibat daripada atau dijadikan lebih buruk oleh:
 - a) Sebarang bentuk rawatan pergigian atau rawatan mata bukan pembedahan melainkan diperlukan kerana kecederaan badan akibat kemalangan.
 - b) Sebarang tindakan Orang Yang Diinsuranskan yang melanggar undang-undang atau sengaja mendedahkan diri kepada bahaya (melainkan percubaan untuk menyelamatkan nyawa), membunuh diri atau percubaan membunuh diri atau sengaja mencederakan diri sendiri

SEKSYEN 4 - FAEDAH MINGGUAN

Syarikat akan, tertakluk kepada peraturan-peraturan Seksyen ini, membayar kepada Yang Diinsuranskan jumlah yang ditetapkan di bawah Faedah Mingguan dalam Jadual, sekiranya Orang Yang Diinsuranskan, disebabkan kecederaan badan atau penyakit, dimasukkan ke hospital atau berehat di rumah atas arahan doktor sehingga tempoh tidak kurang daripada satu (1) minggu. Jumlah tanggungan Syarikat di bawah Seksyen ini terhad kepada jumlah lima belas (15) minggu.

PENGECUALIAN KEPADA SEKSYEN 4

Pampasan yang dinyatakan dalam Seksyen ini tidak akan dibayar untuk:

1. Sebarang tindakan Orang Yang Diinsuranskan yang melanggar undang-undang atau sengaja mendedahkan diri kepada bahaya (melainkan percubaan untuk menyelamatkan nyawa), membunuh diri atau percubaan membunuh diri atau sengaja mencederakan diri sendiri.
2. Sebarang tempoh melebihi lima belas (15) minggu.

SEKSYEN 5 - TANGGUNGAN GANTIAN

Syarikat akan membayar ganti rugi kepada Yang Diinsuranskan bagi jumlah pampasan yang ditanggung oleh Yang Diinsuranskan menurut undang-undang, termasuk kos dan perbelanjaan pihak yang membuat tuntutan tetapi sehingga Had Ganti Rugi yang dinyatakan dalam Jadual, berhubung dengan kecederaan badan akibat kemalangan atau kerosakan kepada harta benda akibat kemalangan yang berlaku di dalam atau sekitar premis Yang Diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam Jadual sepanjang Tempoh Insurans dan disebabkan oleh pembantu (pembantu-pembantu) rumah Yang Diinsuranskan yang dinamakan di dalam Jadual.

Selain daripada pampasan yang ditetapkan di bawah Polisi ini, Syarikat akan membayar ganti rugi kepada Yang Diinsuranskan bagi jumlah yang akan dibayar oleh Yang Diinsuranskan sebagai kos dan perbelanjaan guaman untuk sebarang tuntutan untuk pampasan tersebut. Had Ganti Rugi yang dinyatakan dalam Jadual termasuk kos dan perbelanjaan guaman sedemikian. Maka itu, Had Ganti Rugi untuk pembayaran pampasan akan dikurangkan dengan menolak sebarang jumlah yang dibayar oleh Syarikat sebagai ganti rugi bagi kos dan perbelanjaan guaman.

SYARAT- SYARAT KHAS KEPADA SEKSYEN 5

1. Tanpa kebenaran bertulis Syarikat, Yang Diinsuranskan tidak boleh menolak tanggungan, berunding atau membuat sebarang pengakuan, tawaran, janji atau bayaran berhubung dengan sebarang kemalangan atau tuntutan, dan Syarikat berhak, atas kehendaknya, untuk mengambil alih dan mengendalikan pembelaan terhadap sebarang tuntutan atas nama Yang Diinsuranskan, atau membuat pendakwaan untuk menuntut ganti rugi atas kerosakan atau membuat tuntutan lain terhadap mana-mana pihak, atas nama Yang Diinsuranskan, dengan perbelanjaannya sendiri atau untuk manfaatnya sendiri, dan Syarikat mempunyai budi bicara penuh dalam pelaksanaan sebarang prosiding dan dalam penyelesaian sebarang tuntutan dan Yang Diinsuranskan hendaklah memberikan semua maklumat dan bantuan yang mungkin diperlukan oleh Syarikat.
2. Sekiranya berlaku kemalangan, Syarikat boleh membayar kepada Yang Diinsuranskan Had Tanggungan yang dinyatakan dalam Jadual bersama ini (tetapi memotong daripada jumlah tersebut sekiranya sebarang jumlah telah dibayar sebagai pampasan untuknya) atau sebarang jumlah lebih kecil untuk menjelaskan tuntutan atau tuntutan-tuntutan yang timbul daripada kemalangan dan sesudah itu syarikat tidak mempunyai sebarang tanggungan lanjut terhadap kemalangan tersebut kecuali pembayaran kos dan belanja guaman yang ditanggung sebelum tarikh pembayaran Had Tanggungan atau jumlah lebih kecil tersebut.
3. Yang Diinsuranskan hendaklah pada setiap masa membuat pertimbangan yang wajar untuk memilih dan menggaji pembantu rumah yang siaman, waras dan berwibawa dan mengambil segala tindakan yang munasabah dan perlu demi keselamatan orang ramai.
4. Sekiranya pada masa sebarang tuntutan dibuat di bawah Polisi ini, terdapat insurans lain yang melindungi risiko yang sama atau mana-mana bahagiannya, Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap jumlah yang melebihi bahagian sekadarnya.
5. Sebagai syarat sebelum Syarikat menerima sebarang tanggungan untuk membuat sebarang pembayaran di bawah Polisi ini, Yang Diinsuranskan hendaklah dengan sewajarnya mematuhi dan memenuhi terma-terma Polisi ini, setakat yang melibatkan apa yang harus atau tidak harus dilakukan atau dipatuhi olehnya dan kebenaran kenyataan dan jawapan yang diberikan dalam cadangan.

PENGECUALIAN KEPADA SEKSYEN 5

Polisi ini tidak melindungi:

1. Tanggungan yang diterima oleh Yang Diinsuranskan menerusi perjanjian melainkan tanggungan tersebut memang sepatutnya ditanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan walaupun tanpa perjanjian sedemikian.
2. Tanggungan terhadap kecederaan kepada mana-mana orang, yang ketika dia mengalami kecederaan tersebut, bekerja untuk Yang Diinsuranskan atau, bagi pampasan yang dituntut daripada Yang Diinsuranskan oleh orang yang tercedera atau orang di bawah tanggungannya di bawah sebarang Undang-Undang Pampasan Pekerja.

3. Tanggungan terhadap kecederaan kepada mana-mana orang yang merupakan anggota keluarga atau anggota isi rumah Yang Diinsuranskan.
4. Tanggungan terhadap kerosakan kepada harta benda yang dipunyai atau di bawah pengawasan atau di bawah kawalan Yang Diinsuranskan atau mana-mana pekerja atau ejen Yang Diinsuranskan.

PENGECUALIAN AM

Syarikat tidak akan menanggung kerugian Yang Diinsuranskan dan/atau Orang Yang Diinsuranskan terhadap:

1. Sebarang tindakan bagi pampasan yang dikemukakan di Mahkamah Undang-Undang di luar Malaysia.
2. Kecederaan akibat kemalangan atau penyakit yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau berlaku kerana atau akibat daripada:
 - a) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan tentera, pemberontakan, revolusi, pencerhakaan, kuasa tentera atau rampasan kuasa.
 - b) Sebarang tindakan oleh mana-mana orang atau orang-orang yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana pertubuhan yang kegiatannya bertujuan untuk menggulingkan dengan kekerasan sebarang kerajaan yang wujud secara sah atau secara hakikatnya atau untuk mempengaruhinya melalui keganasan atau kekerasan.
3. Sebarang kecederaan atau tanggungan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau timbul daripada atau akibat daripada atau antara lain disebabkan oleh:
 - a) Radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif dari sebarang bahan api nuklear atau dari sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Khusus bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk sebarang proses pembelahan nuklear yang berkekalan sendiri.
 - b) Bahan-bahan senjata nuklear.
4. Sebarang jenis kerugian atau kerosakan yang berbangkit.
5. Tindakan sengaja atau kecuaiian sengaja oleh Yang Diinsuranskan/Orang Yang Diinsuranskan atau wakil-wakilnya.
6. Sebarang kehilangan jika Orang Yang Diinsuranskan melanggar mana-mana Undang-Undang Malaysia.
7. Sebarang kehilangan jika Orang Yang Diinsuranskan mencapai umur enam puluh lima (65) tahun dalam Tempoh Insurans.
8. Menunggang motosikal, motor skuter, moped atau basikal kayuh bantuan mekanikal (sama ada sebagai pemandu atau pembonceng) untuk tujuan sosial, rekreasi, sukan, pertunjukan, pertandingan atau untuk sebarang tujuan lain.
9. Rawatan yang berpunca dari kehamilan atau kelahiran anak, keguguran atau pengguguran (termasuk ujian diagnostik untuk kehamilan), ujian yang berkaitan dan rawatan untuk pencegah hamil sub-kesuburan merangkumi dan yang berkaitan dengannya.
10. Kesan atau pengaruh (sementara atau sebaliknya) alkohol atau dadah yang diambil bukan atas nasihat pengamal perubatan yang berkeelayakan, kecederaan badan yang disengajakan, penyakit jangkitan seks atau sebarang rawatan yang disebabkan oleh jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV), kecacatan kongenital atau tidak siuman atau penyakit berkaitan dengan masalah gangguan fungsi otak, pemulihan secara rehat atau penjagaan sanitaria.
11. Sukan musim sejuk, memanjat permukaan batu, mendaki gunung (yang memerlukan penggunaan tali atau pemandu), meneroka gua, menyelam tanpa peralatan, terjun dengan payung terjun, bermain bolasepak, ragbi, hoki ais, polo, perlumbaan berhalangan, memburu binatang buas atau memburu selain daripada menggunakan kaki, dan sebarang jenis perlumbaan melainkan yang menggunakan kaki serta pekerjaan seumpamanya yang berbentuk bahaya.
12. Terbang sebagai kakitangan penerbangan atau menaiki sebarang pesawat untuk tujuan melakukan sebarang tugas atau operasi teknikal di dalamnya atau kepadanya atau perjalanan udara selain daripada sebagai penumpang yang membayar tambang dalam sebarang pesawat berpacuan kuasa yang dibina untuk membawa penumpang dan yang mempunyai sijil atau lesen yang sah.

SYARAT-SYARAT AM

1. DEFINISI

Tempoh Insurans bermakna tempoh yang dinyatakan dalam Jadual dan dalam mana Orang Yang Diinsuranskan bekerja secara langsung untuk Yang Diinsuranskan atau sehingga tamat permit pekerjaan, yang mana lebih awal, TETAPI TIDAK TERMASUK tempoh apabila Orang Yang Diinsuranskan kembali ke negara asalnya. Perlindungan tamat dari masa Orang Yang Diinsuranskan meninggalkan Malaysia dan disambung semula apabila beliau kembali ke Malaysia. Had sempadan Polisi adalah dalam lingkungan Malaysia sahaja.

2. PENTAFSIRAN

Polisi ini dan Jadualnya hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan sebarang perkataan atau pernyataan yang disertakan dengan makna khusus dalam mana-mana bahagian Polisi atau Jadual hendaklah membawa makna khusus yang sama di mana juga ia digunakan.

3. PEMATUHAN

Tanggungjawab akan diterima oleh Syarikat dengan syarat Yang Diinsuranskan dan Orang Yang Diinsuranskan mematuhi Peraturan-Peraturan Polisi ini.

4. PERINGATAN

Yang Diinsuranskan dan Orang Yang Diinsuranskan hendaklah mengambil segala langkah berjaga-jaga untuk mencegah kemalangan dan penyakit-penyakit.

5. PERUBAHAN

Polisi ini tidak lagi berkuatkuasa jika terdapat sebarang perubahan penting yang menyebabkan peningkatan risiko melainkan Syarikat memperakui melalui pengendorsan bahawa Insurans diteruskan.

6. PROSEDUR TUNTUTAN

Apabila berlaku sebarang kemalangan yang boleh menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini, Yang Diinsuranskan hendaklah:

- a) Memberikan notis serta-merta secara bertulis kepada Syarikat menyatakan keadaan kemalangan berkenaan.
- b) Menyerahkan kepada Syarikat secepat yang boleh tuntutan secara bertulis yang menghuraikan segala butir-butir terperinci dan bukti yang mungkin diperlukan secara munasabah.

7. INSURANS LAIN

Jika pada waktu berlakunya sebarang kecederaan atau tanggungan Yang Diinsuranskan di bawah Polisi ini, terdapat sebarang insurans atau insurans-insurans lain, sama ada diambil oleh Yang Diinsuranskan atau oleh mana-mana orang atau orang-orang lain, yang melindungi kecederaan atau tanggungan sedemikian, Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbang lebih daripada bahagian perkadarnya bagi kecederaan atau tanggungan tersebut.

8. PEMBATALAN

- a) Syarikat boleh pada bila-bila masa membatalkan Polisi ini dengan memberikan notis tujuh (7) hari secara bertulis kepada Yang Diinsuranskan di alamat terakhirnya yang diketahui.
- b) Perlindungan akan tamat secara automatik:
 - i) Sebaik sahaja kontrak pekerjaan antara Yang Diinsuranskan dan Orang Yang Diinsuranskan yang dinamakan dalam Jadual ditamatkan, ATAU
 - ii) Dari tarikh Surat Pelepasan Jabatan Imigresen yang akan diterima sebagai pembatalan polisi.
- c) Premium tidak akan dibayar balik jika Polisi dibatalkan selepas tarikh pengeluarannya.
- d) Premium tidak akan dibayar balik untuk sebarang endorsemen yang dilanjutkan.

9. SUBROGASI

Sekiranya berlaku tuntutan, syarikat berhak untuk mengendalikan di atas nama dan bagi pihak Yang Diinsuranskan dan/atau Orang Yang Diinsuranskan, pelaksanaan, kawalan dan penyelesaian mutlak sebarang prosiding atau mengambil alih prosiding atas perbelanjaannya sendiri dan untuk manfaatnya sendiri tetapi di atas nama Yang Diinsuranskan dan/atau Orang Yang Diinsuranskan untuk mendapatkan pampasan atau ganti rugi daripada mana-mana pihak ketiga berkenaan dengan apa-apa yang dilindungi di bawah Polisi ini.

10. UNDANG-UNDANG YANG BERKUATKUASA

Polisi ini, dan semua hak, kewajipan dan tanggungan yang timbul di bawah ini, hendaklah ditafsir dan ditentukan dan dikuatkuasakan di bawah undang-undang Malaysia dan Mahkamah Malaysia mempunyai bidang kuasa eksklusif ke atasnya.

11. WARANTI PREMIUM

Adalah menjadi syarat khas asasi dan mutlak kepada kontrak Insurans ini bahawa premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh Syarikat dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh berkuatkuasanya Polisi/Endorsemen/Sijil Pembaharuan ini. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini dibatalkan secara automatik dan Syarikat berhak untuk mengenakan bayaran premium secara prorata bagi tempoh risiko ditanggung.

Di mana premium yang perlu dibayar di bawah waranti ini diterima oleh ejen Syarikat yang bertauliah, bayaran tersebut dianggap sebagai diterima oleh Syarikat untuk tujuan waranti ini dan tanggungjawab membuktikan premium yang perlu dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuk ejen insurans yang tidak bertauliah untuk menerima premium tersebut, terletak pada pihak Syarikat. Tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan Polisi ini.

12. KEWAJIPAN PENDEDAHAN

Apabila anda telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan anda, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) seperti contoh, anda perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan pihak kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

13. SALAH NYATA ATAU KETINGGALAN FAKTA PENTING

- Jika: (a) sebarang jawapan, pendedahan atau pernyataan yang Anda berikan, sebelum kontrak insurans ini dimeterai, diubah atau diperbaharui, dalam atau kepada mana-mana cadangan atau perakuan atau pertanyaan, yang dibuat secara sengaja atau melulu dari segenap segi; atau
- (b) sebelum kontrak insurans ini dimeterai, diubah atau diperbaharui, Anda gagal mendedahkan apa-apa fakta yang Anda ketahui yang berkaitan dengan keputusan Kami untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan; atau
- (c) apa-apa tuntutan yang dibuat berbentuk penipuan atau ditokok-tambah, atau sebarang perakuan atau kenyataan palsu dibuat untuk menyokong tuntutan tersebut.
- maka dalam mana-mana hal diatas, Polisi ini adalah batal.

PERUNTUKAN CUKAI

Semua premium dan yuran di bawah Polisi ini mungkin tertakluk kepada Cukai. Sekiranya Cukai dikenakan, ia akan dinyatakan dalam invoice dan Zurich General Insurance Malaysia Berhad berhak untuk menuntut atau mengutip Cukai daripada pemilik polisi yang Diinsuranskan sebagai tambahan kepada premium dan/atau yuran yang perlu dibayar di bawah Polisi ini.

Cukai ialah apa-apa bayaran semasa atau akan datang, langsung atau tidak langsung, cukai, levi atau duti termasuk cukai penggunaan atau apa-apa cukai seumpamanya, yang dikenakan kepada barangan atau perkhidmatan oleh kerajaan atau pihak berkuasa percukaian.

MEMBUAT ADUAN ATAU BANTAHAN

Sekiranya anda ingin membuat aduan berkaitan ketidakadilan pelaksanaan pasaran oleh pihak syarikat, anda boleh menelefon atau menulis surat kepada:

Zurich General Insurance Malaysia Berhad

Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622 E-mel: CallCentre@zurich.com.my

Ombudsman for Financial Services (Formerly known as Financial Mediation Bureau)

Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia, No.4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2272 2811 Faks: 03-2272 1577 Email: enquiry@ofs.org.my Website: www.ofs.org.my

Contact Centre (BNMTELELINK)

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK), Bank Negara Malaysia, P.O. Box 10922, 50929 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK) (Overseas: +603-2174 1717) Faks: +603-2174 1515 E-mell: bnmtelelink@bnm.gov.my

Zurich General Insurance Malaysia Berhad (1249516-V)

Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622
www.zurich.com.my